

Headline	MPI tambah kursus media digital		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	23	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	339 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,686
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,057



MPI tambah kursus media digital

➔ Premis baharu dilengkapi kemudahan teknologi, sasar jadi pusat latihan moden

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

► Cyberjaya

Institut Akhbar Malaysia (MPI) akan memperbanyakkan kursus dan latihan berasaskan kewartawanan digital, bagi melengkapkan wartawan tempatan dengan ilmu serta kemahiran dunia media baharu.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Chamil Wariya, berkata premis baharu MPI di sini, mula beroperasi tahun depan akan dilengkapi dengan kemudahan teknologi digital, pemusatan (*convergence*) dan multimedia bagi menjadikan MPI pusat latihan moden pengamal media.

Bidang digital, maya

"Masa depan kewartawanan kini tertumpu kepada pentas digital dan maya. Kita akan mendidik wartawan supaya lebih mahir dalam bidang kewartawanan digital melalui kursus yang dijalankan, contohnya pemusatan dan pembikinan video.

"Dari segi kandungan, asas kewartawanan kekal kerana jika tidak, ada yang akan kata berita itu palsu atau khabar angin.

"Kewartawanan adalah pengumpulan maklumat berdasar-

kan pengesahan, melaporkan kebenaran dan fakta, bukan direka-reka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas mewakili MPI menerima kunci pejabat institut berkenaan di sini, daripada Pengarah Eksekutif Kumpulan EMKAY, Datuk Fazwinna Mustapha Kamal, semalam.

Chamil berkata, dua unit premis baharu di Radius Business Park Cyberjaya itu adalah milik MPI yang dibeli pada harga RM1.55 juta daripada Kumpulan EMKAY, bagi menggantikan premis lama di Jalan Bukit Ledang, Kuala Lumpur yang juga kuarters kerajaan.

"Cyberjaya menjadi lokasi pilihan kerana pemegang amanah dan majlis pentadbir berpendapat ia 'alamat yang baik' untuk menjenamakan masa depan MPI, selain lokasinya mudah diakses melalui lebuh raya utama," katanya.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]



Fazwinna menyerahkan replika kunci premis baharu MPI kepada Chamil di Cyberjaya, semalam.